



29 Jun 2013
29 June 2013
P.U. (A) 202

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN
(INSTRUMEN PEMBAYARAN YANG DITETAPKAN) 2013

*FINANCIAL SERVICES (DESIGNATED PAYMENT
INSTRUMENTS) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (INSTRUMEN PEMBAYARAN YANG DITETAPKAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Bank Negara Malaysia, dengan persetujuan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Instrumen Pembayaran yang Ditetapkan) 2013.**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Instrumen pembayaran yang ditetapkan

2. Instrumen pembayaran yang berikut ditetapkan sebagai instrumen pembayaran yang ditetapkan:
 - (a) kad caj iaitu suatu instrumen pembayaran yang menandakan suatu barisan kredit yang diberikan oleh pengeluar kepada pengguna dan apa-apa jumlah kredit yang digunakan oleh pengguna mesti diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum suatu tarikh yang ditentukan, tanpa apa-apa lanjutan kredit;
 - (b) kad kredit iaitu suatu instrumen pembayaran yang menandakan suatu barisan kredit atau pembiayaan yang diberikan oleh pengeluar kepada pengguna dan di mana apa-apa jumlah kredit yang digunakan oleh pengguna belum diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum suatu tarikh yang ditentukan, jumlah yang belum diselesaikan boleh dikenakan caj faedah, untung atau caj lain;
 - (c) kad debit iaitu suatu instrumen pembayaran yang berhubung ke akaun deposit di sesuatu institusi kewangan yang boleh digunakan—

- (i) untuk membuat pembayaran bagi barang dan perkhidmatan;
 - (ii) untuk pengeluaran wang tunai dari mesin teler automatik atau pengeluaran wang tunai di cawangan runcit yang mengambil bahagian melalui penggunaan kad debit dengan mendebitkan akaun pengguna; atau
 - (iii) bagi maksud subsubsubperenggan (i) dan (ii);
- (d) wang elektronik iaitu mana-mana instrumen pembayaran, sama ada ketara atau tidak ketara, yang—
- (i) menyimpan dana secara elektronik sebagai tukaran kepada dana yang dibayar kepada pengeluar itu; dan
 - (ii) berupaya untuk digunakan sebagai suatu cara untuk membuat pembayaran kepada mana-mana orang selain pengeluar itu; dan
- (e) apa-apa gabungan instrumen pembayaran yang ditetapkan dalam subperenggan (a) hingga (d).

Pembatalan

3. Perintah Sistem Pembayaran (Instrumen Pembayaran Yang Ditetapkan) 2003 [P.U. (A) 398/2003] dibatalkan.